



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 23 JUN 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	RM800 JUTA DANA PEMBIAYAAN AGROMAKANAN KELUARGA MALAYSIA DIPERUNTUKKAN JAMIN PENGELUARAN MAKANAN, UM -ONLINE GUNA KUASA PENGGUNA DESAK PASARAN, STABILKAN HARGA AYAM, DALAM NEGERI, UM -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5. 6.	PIKM SIRI KE-6 PARLIMEN MUKAH DAPAT SAMBUTAN HANGAT, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE DURIAN GLUT SPURS 'TEMPOYAK' INDUSTRY, NEWS, THE SUN -3 FAMA BAWA 30 TAN DURIAN PELBAGAI JENIS, NASIONAL, BH -15 DUA TAN METRIK DURIAN DIPROSES JADI PES, TEMPOYAK, NEGARA, KOSMO -5	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22.	MASALAH BEKALAN AIR JEJASKAN PENDAPATAN PETANI LANGKAWI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE PERKASA WAKAF BANTU TANGANI SEKURITI MAKANAN, UM -ONLINE KELESTARIAN ALAM SEKITAR TANPA RACUN KIMIA, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE BERSEDIA UNTUK INFLASI MAKANAN, EKONOMI, UM -34 AROWANA MERAH CECAH RM17,000, NEGARA, KOSMO -16 BEKAS JURUTERA JADI PETANI, RAIH 'GAJI' BULANAN RM6,500, NEGARA, KOSMO -14 INFLASI MAKANAN DIJANGKA MELONJAK, BISNES, UM -34 500 PESAWAH HADAPI MASALAH PENGAIRAN, NASIONAL, BH -21 PERBADANAN PERTANIAN TANAM SAWI SECARA HIDROPONIK, PERIKATAN NASIONAL, HARAKAH -H14 JEJAS PENDAPATAN PETANI, LOKAL, HM -12 DERITA 2,000 PENDUDUK, LALAT BERCAMPUR DENGAN MAKANAN, DALAM NEGERI, UM -30 HOBI PELIHARA AROWANA JADI SUMBER REZEKI, DALAM NEGERI, UM -30 TOLAK CAMPUR TANGAN GLC, GLIC DALAM INDUSTRI AGROMAKANAN, FORUM, UM -19 ISU RAKYAT KELANTAN BILA NAK SELESAI?, RENCANA, UM -14 KERJASAMA BERSEPADU MAMPU RANCAKKAN PENGELUARAN MAKANAN, RENCANA, BH -12 DONATION DROPPED WHEN PANDEMIC HIT, NEWS, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

RM800 juta Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia diperuntukkan jamin pengeluaran makanan



RONALD KIANDEE

PUTRAJAYA: Kerajaan bersetuju melaksanakan Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) di bawah Agrobank melibatkan peruntukan sebanyak RM800 juta bagi menjamin kesinambungan aktiviti pengeluaran makanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, program itu akan menawarkan kemudahan pembiayaan khusus mengikut agihan pembiayaan melibatkan enam

perkara.

Menurut beliau, daripada jumlah itu, sebanyak RM300 juta diperuntukkan bagi pembiayaan ternakan ayam; RM200 juta bagi ternakan ruminan (lembu dan kambing) dan RM100 juta bagi tanaman sayur-sayuran.

Selain itu ialah RM100 juta bagi usahawan mikro; RM50 juta bagi usahawan mikro baharu; dan RM50 juta bagi usahawan muda.

“Had maksimum pembiayaan bagi ternakan ayam, ternakan ruminan dan tanaman sayur sayuran ditetapkan sehingga RM5 juta manakala, had maksimum pembiayaan bagi usahawan mikro, usahawan mikro baharu dan usahawan muda adalah sehingga RM500,000,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Ronald berkata, tempoh pembiayaan untuk DPAKM ini adalah sehingga 8.5 tahun termasuk enam bulan moratorium yang akan ditawarkan kepada semua golongan sasar.

Katanya, pihak kementerian juga giat dalam mempermudah pembayaran tuntutan subsidi ayam kepada penternak sebanyak RM729.43 juta sejak 5 Februari lalu dan sehingga semalam sebanyak 4,041 permohonan tuntutan subsidi dengan nilai RM262 juta diluluskan.

Beliau berkata, Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Sekuriti Bekalan Makanan Negara akan terus memantau status bekalan makanan negara dan pelaksanaan tindakan-tindakan susulan intervensi yang dirangka bagi menangani isu bekalan makanan.

Ini termasuk memperincikan inisiatif jangka masa pendek, sederhana dan panjang merentasi semua subsektor agromakanan.

“Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memperkukuh sekuriti makanan negara dalam memastikan kelangsungan bekalan dan ketersediaan makanan di pasaran kekal terjamin dengan harga yang berpatutan bagi memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia,” katanya.

Pada masa sama, Ronald berkata, bekalan makanan negara masih mencukupi dan bekalan ayam kekal stabil pada minggu ketiga bulan ini serta disasarkan mencukupi untuk menampung permintaan bulan semasa. – UTUSAN

Guna kuasa pengguna desak pasaran, stabilkan harga ayam

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Masyarakat pengguna perlu memainkan peranan dan kuasa beli mereka untuk mendesak pasaran bagi memastikan harga ayam kembali stabil.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber industri berkata, ketidadaan mekanisme yang sesuai untuk mengatasi kenaikan harga ayam pada masa ini menyebabkan permasalahan berkenaan akhirnya diserahkan kepada kuasa beli pengguna.

Katanya, penarikan harga siling RM8.90 kepada barga apungan mulai 1 Julai ini akan menyebabkan pengguna terbeban, tetapi mereka mempunyai alternatif untuk beralih kepada barang makanan lain.

"Pihak berkuasa seolah-olah tidak memahami punca utama perkara ini berlaku sehingga menyebabkan tiada mekanisme yang sesuai untuk menyelesaikan isu mengenai harga ayam dan terpaksa tunduk kepada desakan pihak tertentu.

"Akhirnya isu ini diserahkan kepada pengguna, memang benar apabila harga siling dinyah-

bermula 1 Julai ini sebagai pesta harga sehingga membebankan rakyat.

Malah, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, walaupun kenaikan harga ayam melebihi harga kawalan ketika ini tidak dapat dielakkan, namun kerajaan akan memastikan ia ditetapkan pada harga munasabah.

Sumber menambah, harga akan meningkat dengan drastik sekiranya kumpulan berkenaan bersikap tamak yang mana akhirnya juga akan memakan diri mereka semula apabila pengguna menggunakan kuasa mereka.

"Sebah sekurang pun harga di sesetengah pasar sudah mencapai RM11 ke RM12 untuk sekilogram, kalau harga terus meningkat ia sangat beri kesan buruk kepada mereka balik kerana tiada siapa mampu membeli barangan mentah itu sekiranya mencapai RM15 sekilogram.

"Harga sekarang sudah munasabah selari dengan peningkatan kos, mereka juga sudah mula meraih keuntungan lebih.

Kalau mereka tamak ia hanya akan menyebabkan lambakan ayam dan harga akan jatuh mendadak," katanya.



PENGGUNA disaran menggunakan kuasa beli untuk mendesak pasaran bagi membantu menstabilkan harga ayam yang mula diapungkan mulai 1 Julai ini.

kan maka bekalan ayam akan beransur pulih dan tiada lagi isu ayam kerana tuntutan kumpulan berkenaan berjaya dicapai dimana harga ayam boleh melepasi harga sebelum ini.

"Kesan buruk hanya kepada pengguna, mereka terpaksa membeli ayam mentah dengan

harga yang lebih tinggi sebelum ini. Misalnya, bulan hadapan harga meningkat ke RM12 sekilogram maka untuk seekor ayam boleh melepasi RM20," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

memutuskan harga kawalan siling ayam, telur ayam dan subsidi minyak masak tulen bagi pek kemas botol tidak akan diteruskan mulai 1 Julai ini.

Kerajaan bagaimanapun memberi amaran kepada pemain industri ayam supaya tidak menjadikan harga yang diapungkan



23 JUN, 2022

PJKM Siri Ke-6 Parlimen Mukah dapat sambutan hangat

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

PJKM Siri Ke-6 Parlimen Mukah dapat sambutan hangat

MUKAH: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) Siri Ke-6 bagi Parlimen Mukah mendapat sambutan hangat daripada pengguna dan berjalan dengan lancar semalam.

PJKM kali ini berlangsung di pekarangan parkir pasar raya Nam Leong, Dalat dari jam 10 pagi hingga 4 petang.

Kali ini, program mendapat kerjasama pihak Majlis Daerah Dalat dan Mukah, Jabatan Penerangan Dalat, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta rakan strategik pasar raya Nam Leong.

Inisiatif program adalah untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan membolehkan penduduk setempat membeli keperluan asas harian seperti gula, tepung gandum, beras, minyak masak, makanan diproses, telur, sayur-sayuran dan barangan terpilih dengan harga lebih murah berbanding harga pasaran.

Sambutan pengguna amat menggalakkan dan maklum balas pengunjung rata-rata menyambut baik dan meminta PJKM dilaksanakan secara berkala.

Pengunjung juga mengakui harga barang-barang dijual dapat meringankan beban kos sara hidup terutama yang berpendapatan rendah.

Pada masa sama, mereka

turut berharap program akan tetap diteruskan pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak merangkap Ahli Parlimen Mukah Dato Hanifah Hajar Taib dalam kenyataan media memberitahu, beliau sangat menggalakkan orang ramai merancang pembelian keperluan rumah dan seratusnya berjimat menerusi tawaran yang diberikan.

“Peniaga juga diingatkan agar sentiasa beretika dengan mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan,” katanya.

Kerajaan menyeru agar rakyat bersabar dan terus bersama kerajaan dalam waktu sukar yang luar biasa ini yang turut melanda dunia dan memberi kesan kepada rantaian bekalan global dan negara ketika kini.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Mukah yang bertindak sebagai penyelaras program telah mengadakan sembilan kali PJKM iaitu enam kali di Parlimen Mukah, dua kali di Parlimen Igan dan sekali di Parlimen Tanjung Manis.

Turut hadir Timbalan Pengarah KPDNHEP Sarawak Peter J. Berinus Agang dan Ketua Cawangan KPDNHEP Mukah Salihin Den.



23 JUN, 2022

PJKM Siri Ke-6 Parlimen Mukah dapat sambutan hangat

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MUKAH: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) Siri Ke-6 bagi Parlimen Mukah mendapat sambutan hangat daripada pengguna dan berjalan dengan lancar semalam. PJKM kali ini berlangsung di pekarangan parkir pasar raya Nam Leong, Dalat dari jam 10 pagi hingga 4 petang. Kali ini, program mendapat kerjasama pihak Majlis Daerah Dalat dan Mukah, Jabatan Penerangan Dalat, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta rakan strategik pasar raya Nam Leong.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2022	THE SUN	NEWS	3

Durian glut spurs 'tempoyak' industry

ISKANDAR PUTERI: Two tonnes of fresh durian are being processed daily to produce "tempoyak" for the local market to address the current durian glut in Johor.

State Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Datuk Zahari Sarip said the making of tempoyak (fermented durian pulp) was being done at the Federal Agriculture Marketing Authority durian processing centre in Tangkak.

"The GMP-certified (good manufacturing practice) processing centre has added value to the product, besides solving the durian glut problem in the northern part of the state, especially Tangkak, Muar and Segamat.

"Among the facilities available are machines separating the pulp, vacuum packing machines, blast freezers and a cold room that can store 22 tonnes of the product at any one time.

"The Agriculture Department also cooperates with the lead company in processing activities for durian-based downstream products and this also helps the small and medium enterprises to market their products," he said at the state legislative assembly sitting yesterday. - Bernama

Fiesta Makanan, Bunga dan Buah

FAMA bawa 30 tan durian pelbagai jenis

Butterworth: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membawa 30 tan durian pelbagai jenis dari Pulau Pinang dan negeri berdekatan sempena program Fiesta Makanan, Bunga dan Buah (FAMA Fest) di tempat letak kenderaan sebuah pasaraya di Seberang Jaya, di sini.

Program yang berlangsung selama lima hari bermula semalam turut membawakan pelbagai jenis buah-buahan segar dan bermausim termasuk bunga seruta empayar produk makanan di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Muhamad Mustahapa Awang, berkata pihaknya yakin program itu mampu menarik 50,000 pengunjung sekali gus mencapai sasaran jualan sebanyak RM500,000.

"Seramai 130 usahawan membabitkan diri dalam program ini. Selain durian kita turut bawakan empayar makanan yang bukan sahaja dari Pulau Pinang tetapi produk dari serata negeri.



Muhamad Mustahapa (kiri) di gerai jualan durian pada program FAMA Fest di Seberang Jaya, Butterworth, semalam. (Foto Nur Izzati Mohamad/BH)

"Kita harap ia dapat memberi peltnang kepada usahawan memasarkan produk mereka, sekali gus meningkatkan pendapatan selepas dua tahun program ini terhenti

ekoran COVID-19. "Bagi pengunjung yang berminat mendapatkan durian, kita ada bawa 30 tan durian daripada pelbagai varieti yang boleh dicuba dengan harga yang cukup berpatutan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir pada Majlis Parti Durian bersama Media Pulau Pinang, di sini, semalam.

Dua tan metrik durian diproses jadi pes, tempoyak

ISKANDAR PUTERI - Sebanyak dua tan metrik durian diproses setiap hari untuk dijadikan tempoyak dan pes bagi mengelak lambakan buah itu di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, kerja memproses raja buah itu dijalankan di Pusat Pemrosesan Durian di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Tangkak.

"Pusat pemprosesan ini telah berjaya meningkatkan nilai tambah serta menangani masalah lambakan durian yang berlaku di Tangkak, Muar dan Segamat.

"Antara kemudahan yang disediakan di pusat pemprosesan ini termasuklah mesin pengasingan isi durian, mesin vacuum pack, blast freezer dan

cold room yang boleh menyimpan 22 metrik tan isi durian beku dalam satu-satu masa," katanya ketika menjawab soalan lisan pada sidang Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor ke-15, di Bangunan Sultan Ismail, di sini semalam.

Zahari yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Buloh Kasap berkata, sebanyak 121,898 metrik tan durian dikeluarkan pada tahun lalu dengan daerah Tangkak merupakan pengeluar durian tertinggi di negeri ini.

Katanya, pengeluaran itu direkodkan melibatkan seramai 31,255 pengusaha dengan kawasan penanaman durian seluas 19,171 hektar.

Tambahnya, pengeluaran durian disasar akan meningkat kepada 141,862 metrik tan atau sebanyak 13.47 peratus pada 2027.



LAMBAKAN buah durian kini berlaku di Johor terutama di daerah Tangkak, Muar dan Segamat. - GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Masalah bekalan air jeaskan pendapatan petani Langkawi



Ahmad menunjukkan saliran yang perlu dinaik taraf.

GEORGE TOWN – Kira-kira 500 petani berdepan masalah bekalan air tidak mencukupi selain sistem saliran tidak sempurna setiap kali tiba musim menuai di Pulau Langkawi, Kedah.

Antara kampung yang terbabit ialah Kampung Baru, Mawar, Bukit Temin, Bayas, Lubuk Setoi, Nyior Chabang dan Padang Mat Sirat.

Rata-rata petani mendakwa masalah tersebut menyebabkan mereka mengalami kerugian sekali gus menjejaskan pendapatan.



Saliran sempit selain tidak diselenggara dengan sempurna.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, berdasarkan tinjauan, pihaknya mendapati hampir separuh daripada 2,000 relung sawah yang diusahakan petani kampung itu terencat pembesarannya dan ditumbuhi rumput.

Jelas beliau, CAP difahamkan petani mengerjakan sawah dua kali setahun dan hanya mengharapkan air hujan bagi mengairi tanaman padi mereka.

“CAP memandang serius masalah itu kerana ia bukan saja menjejaskan kehidupan petani tetapi juga pengeluaran hasil makanan negara.

“Kita bimbang jika masalah ini berterusan ia boleh menggugat sektor pertanian dan ekonomi negara pada masa akan datang.

masa akan datang.

“Justeru, CAP menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan agensi berkaitan menyiasat masalah ini dan mengambil tindakan segera bagi mengatasinya,” katanya dalam satu kenyataan media hari ini.



Amin Saad.

Sementara itu, seorang petani, Amin Saad, 37, berkata, masalah itu menyebabkan mereka mengalami kemerosotan hasil lebih 50 peratus dan kerugian besar kerana banyak pokok padi yang mati dan buahnya tidak berisi.

“Selain penanaman padi biasa, kawasan projek padi pulut juga mengalami keadaan sama menyebabkan ada antara petani yang menyertai projek itu menghentikan penanaman padi berkenaan.

“Kehidupan kami sekarang sangat terbeban kerana terpaksa membelanjakan wang yang banyak bagi mengatasi masalah itu terutama kepada penyewa tanah sawah berikutan bayarannya mahal berbanding hasil padi yang kami peroleh,” katanya.



Kawasan sawah di beberapa kampung di Langkawi ditumbuhi rumput sekali gus menjejaskan pendapatan petani.

Turut meluahkan rasa sama, Ahmad Nayan, 54, yang kesal walaupun masalah itu sudah lama berlaku namun hingga sekarang tiada tindakan diambil bagi mengatasinya.

“Kami mencadangkan supaya pihak berkenaan menaik taraf dan membersihkan saluran sepanjang lebih kurang satu kilometer dari Lubuk Sembilang hingga ke Bukit Hantu serta membina empangan bagi menyimpan air dari Gunung Raya bagi kegunaan petani,” katanya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Perkasa wakaf bantu tangani sekuriti makanan



MEMAJUKAN tanah wakaf adalah salah satu cara dalam membantu masalah sekuriti makanan negara.

KRISIS sekuriti makanan yang melanda negara memberi banyak kesan kepada rakyat. Perkara ini menjadi tumpuan utama dalam titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang menitahkan supaya ia ditangani segera.

Seri Paduka turut menitahkan agar satu pelan jangka panjang dirangka untuk mengukuhkan sekuriti makanan dan menjamin kos sara hidup berada pada tahap bersesuaian.

Keadaan bertambah buruk dengan kenaikan harga barang makanan dan keperluan harian. Kegagalan menanganinya memberi kesan buruk kepada rakyat terutama yang berpendapatan rendah. Situasi ini disebabkan negara terlalu bergantung pada import bahan makanan.

Hal ini bertepatan dengan titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah baru-baru ini agar memberikan perhatian serius terhadap ancaman keselamatan bekalan makanan dengan mengaktifkan sektor pertanian, ternakan dan perikanan.

Baginda menyatakan, sektor-sektor ini amat perlu diperkenalkan menerusi budaya kerja dan pengeluaran baharu dengan menyuntik kaedah dan mekanisme moden supaya produktiviti bahan makanan dapat segera ditingkatkan.

Melihat keadaan ini, konsep wakaf boleh dijadikan satu alternatif membantu sekuriti makanan negara serta menambah produktiviti dengan membangun tanah wakaf di kawasan terbiar.

Tanah wakaf di seluruh negara dikatakan masih banyak belum dimajukan sepenuhnya. Tanah-tanah wakaf yang dikenal pasti di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) boleh dibangunkan bersama kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Institusi wakaf khususnya anak syarikat di bawah MAIN boleh membangunkan tanah-tanah wakaf dengan aktiviti pertanian berskala besar bagi memenuhi keperluan sumber makanan negara. Pertanian dan penternakan moden boleh dijalankan melalui usahasama dan bimbingan pakar-pakar pertanian daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Jika dapat direalisasikan, ia mampu menyumbang bekalan makanan negara domestik sekali gus dapat meningkatkan potensi penjana pendapatan kepada MAIN.

Semoga pihak yang bertanggungjawab dapat memberi perhatian serius agar tanah wakaf terbiar boleh dimajukan sebagai projek wakaf pertanian, penternakan mahupun perikanan sebagai usaha membantu negara meningkatkan pengeluaran domestik, mengurangkan kebergantungan keperluan import, meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara. [-UTUSAN](#)

MOHD. YAKOP IKRAM
Ipoh, Perak

23 JUN, 2022

Kelestarian alam sekitar tanpa racun kimia

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Kelestarian alam sekitar tanpa racun kimia

PERTANIAN manpan atau pertanian lestari kerap dibincangkan di media massa negara dengan pelbagai kebaikan untuk jangka masa panjang. Ini merangkumi konsep kelestarian alam sekitar melalui kaedah pertanian mesra alam dengan memberi penekanan kepada penggunaan sumber asli secara kitar semula.

Melalui kaedah ini, penggunaan bahan kimia seperti baja dan racun dapat dikurangkan dan penghasilan produk pertanian dijamin lebih selamat. Penjajatan kos bahan input juga dapat dicapai dalam jangka masa panjang apabila adaptasi sepenuhnya kepada pertanian lestari.

Penggunaan bahan kimia berlebihan atau secara haram memberi kesan kepada ekosistem dan manusia. Kesan ketara ialah mutasi genetik atau kehilangan serangga-serangga tertentu.

Manakala semburan bahan ini berdekatan kawasan perumahan akan mencemarkan udara persekitaran, dan memberi kesan sampingan kepada manusia seperti mutasi genetik, keracunan, kecacatan kekal, dan sebagainya.

Tanah juga akan turut tercemar dengan kandungan sisa bahan kimia yang tinggi dan menjadi toksik kepada pertumbuhan tanaman. Jika kawasan tersebut terletak berhampiran aliran air, potensi sisa kimia mencemari

kan sungai atau sumber air terdekat adalah tinggi.

Melalui kaedah pertanian lestari, kawalan perosak boleh menggunakan racun organik yang lebih mesra alam dan bersedia menggunakan bahan-bahan asas di rumah. Salah satu kaedah pengawalan serangga kecil seperti trip



KESAN BURUK: Penggunaan racun kimia secara berlebihan di kawasan padi memberi kesan buruk kepada populasi serangga. Serangga ini mati dan masih berputat pada tumbuhan sekitarnya.

order Thysanoptera boleh disebarkan dengan penyemburan bahan-bahan pati halus kepada pokok terlibat.

Kaedah seperti ini mudah diaplikasikan oleh komuniti pertanian bandar untuk tanaman seperti cili, padi, dan sebagainya.

Penghasilan racun organik seperti ini adalah mudah dengan mengisar halia hingga halus dengan air agar menghasilkan pati yang memberikan bau dan rasa pedas dapat mengurangkan hisap sap oleh larva trip.

Selain kaedah pati halia, penggunaan pati cili dan bawang putih juga boleh digunakan sebagai alternatif



MENGANGGU: Spesimen rama-rama (Papilio demoleus) di seksyen entomologi (Queen Sirikit Botanic Garden, Thailand) yang mudah dijumpai di Asia boleh mengganggu pertumbuhan buah sitrus dan kawalan secara manual perlu dilakukan.

mengawala pelbagai serangga. Namun penggunaan racun organik haruslah bergantung kepada kadar serangga serta faktor persekitaran.

Sebagai contoh, amalan semburan racun organik selalunya dilakukan setiap satu atau dua minggu sekali namun sekiranya pokok terdedah kepada aliran hujan, ulangan semburan haruslah dilakukan untuk meningkatkan keberkesanannya.

Selain penggunaan racun dibuat sendiri dengan yakin (Do It Yourself - DIY), kaedah kawalan secara biologi juga boleh digunakan. Kaedah seperti ini sebahagian daripada pengurusan perosak bersepadu (Integrated Pest Management - IPM) iaitu mengenal pasti perosak dan peruntuk untuk proses pengawalan.

Ini merangkumi kaedah fizikal dan biologi dan kadangkala melibatkan kedua-duanya.

Amalan yang boleh digunakan dalam kawalan fizikal seperti penggunaan jaring untuk menangkap rama-rama, proses pembuangan kepompong secara manual menggunakan tangan, dan sebagainya.

Kaedah seperti ini mudah dilakukan dengan pengetahuan asas mengenai bentuk dan rupa sesuatu perosak dan kadangkala memerlukan pemahaman kitar hidupan serangga atau perosak tersebut.

Manakala secara biologi adalah penggunaan pemangsa dalam kalangan perosak untuk mengawal populasi. Contoh paling mudah seperti belalang mengawal populasi tikus di sawah padi.

Selain itu, penggunaan agen seperti kulat untuk mengawal kulat lain juga boleh diketengahkan. Ini termasuk penggunaan *Trichoderma* spp. yang tergolong dalam kategori kulat sebagai alternatif kepada kawalan penyakit reput pangkal batang (*Ganoderma* spp.) pokok kelapa sawit.

Kedua-dua kaedah seperti ini menjamin kelestarian alam sekitar apabila melibatkan penggunaan sumber-sumber alam secara maksimum tanpa perlu memberi penekanan kepada racun kimia.

Penggunaan tinja haiwan ternakan sebagai bahan-bahan yang boleh dikitar semula untuk diberikan kepada tanaman dapat memberi manfaat dalam bentuk pemberian nutrien yang disebabkan apabila terurai secara semula jadi.

Kaedah ini meliputi pemberian tinja ayam, anab, dan sebagainya secara labur terus ke permukaan tanah dan proses pelepasan nutrien secara perlahan-lahan untuk diserap oleh tumbuhan.

Di samping itu, penggunaan tinja-tinja haiwan dapat memperbaiki struktur tanah dan meningkatkan kadar kation boleh tukar

(Cation Exchange Capacity - CEC) untuk membantu tumbesaran tanaman.

Tinja haiwan juga boleh diberikan dalam bentuk pelet yang telah diproses oleh syarikat-syarikat pembuatan baja untuk memudahkan proses pemberian kepada tanaman di samping mengurangkan bau dan pemberian tinja haiwan mentah secara berlebihan.

Kebiasaannya, tinja haiwan yang telah ditukarkan dalam bentuk pelet mengandungi nilai tambah lain seperti asid amino dan asid humik untuk meningkatkan penyerapan nutrien secara efektif serta menggalakkan pertumbuhan tumbuhan lebih optimum.

Kadangkala, bahan-bahan buangan seperti sisa serbuk kopi, teh, dan sebagainya boleh digunakan sebagai alternatif baja kepada tumbuhan.

Selain tinja haiwan, baja secara semula jadi melalui campuran-campuran bahan lain seperti kaedah amino asid ikan (Fish Amino Acid - FAA) atau fermentasi jus buah-buahan (Fermented Fruit Juice - FFJ) juga boleh digunakan untuk membantu pertumbuhan tanaman.

Semasa proses fermentasi, mikroorganism mengurangkan bahan-bahan tersebut dan meningkatkan kandungan nutrien seperti kalium (K), kalsium (Ca), magnesium (Mg), dan sebagainya untuk diserap oleh tumbuhan.

Perbezaan kepekatan kandungan nutrien adalah berdasarkan medium yang digunakan sebagai contoh penyediaan fermentasi jus tomato mempunyai kandungan Ca lebih tinggi berbanding fermentasi jus pisang.

Kaedah-kaedah seperti ini terbukti berkesan untuk meningkatkan pengeluaran hasil petani-petani kecil iaitu kehasilan tanah di antara 1 hingga 2 hektar sehingga enam kali ganda serta mengurangkan kos pengeluaran sehingga 30 peratus.

Namun, tumbesaran tanaman adalah tidak seragam berbanding penggunaan baja kimia tetapi mampu mengurangkan kos penggunaan baja yang lebih berkesan.

Kebiasaannya, teknik pembajaan dan kawalan penyakit serta perosak lebih sinonim dengan panggilan teknologi pertanian semula jadi: Natural Farming - NF yang kian mendapat sambutan terutama daripada generasi muda yang cenderung mempromosikan penggunaan secara dalam talian menggunakan aplikasi media sosial seperti TikTok, Instagram, dan sebagainya.

Menurut laporan-laporan penyelidikan semasa, amalan pertanian lestari ini mampu memberi kesan kepada sektor pertanian dalam inisiatif memelihara dan sekitar dan menjamin keselamatan hasil



MUDAH: Bahan-bahan yang diperlukan dalam penyediaan fermentasi jus buah-buahan daripada buah nanas untuk digunakan pada tanaman sayur-sayuran di Jabatan Pertanian Bumbung Lima, Putau Pinang.

23 JUN, 2022

Kelestarian alam sekitar tanpa racun kimia

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3



AGEN PENGHALAU: Penggunaan bawang putih sebagai salah satu agen penghalau serangga perosak daripada merosakkan tanaman turut diamalkan di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, Sarawak (UPMKB).



ORGANIK: Inisiatif Universiti Maejo, Thailand semasa pameran pertanian dalam menggalakkan pertanian lestari dengan menyediakan plot tanaman organik untuk dinilai oleh pengunjung tentang keberkesanannya dan merupakan inisiatif memberi galakan kepada petani setempat.



AGEN BIOLOGI: Kaedah pengawalan penyakit melalui penggunaan agen biologi iaitu melibatkan kulat dari *Trichoderma* spp. dalam mengawal *Ganoderma* spp. pada tanaman kelapa sawit yang telah dibuktikan melalui penyelidikan di makmal dan rumah semalan.

pertanian. Ia juga giat diusahakan oleh petani-petani yang memihuntukmendapatkan pensijilan melalui Skim Organik Malaysia (SOM) atau penjenamaan semula kepada Skim Pensijilan Organik Malaysia (myORGANIC) melalui Jabatan Pertanian sebagai pengiktirafan kepada ladang-ladang berkaitan. Mengikut portal Jabatan Pertanian sehingga Jun 2021, sejumlah 95 petani telah berjaya memperolehi myORGANIC di Malaysia dan hanya 3.16 peratus

daripadanya merupakan petani dari Sarawak (Serian dan Sibul).

Pengiktirafan ini merupakan salah satu inisiatif petani-petani tersebut dalam menjayakan pertanian lestari di Malaysia. (Artikel ini ditulis oleh pelajar PhD Izzah Abd Hamid dan Pensyarah Kanan Jabatan Sains Tanaman, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak, Dr Wan Asrina Wan Yahaya. Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui e-mel ke izzahabulhamid@gmail.com dan asrina@upm.edu.my.)



23 JUN, 2022

Kelestarian alam sekitar tanpa racun kimia

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

PERTANIAN mampan atau pertanian lestari kerap dibincangkan di media massa negara dengan pelbagai kebaikan untuk jangkamasa panjang. Ini merangkumi konsep kelestarian alam sekitar melalui kaedah pertanian mesra alam dengan memberi penekanan kepada penggunaan sumber asli secara kitar semula.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	34

Mansuh subsidi ayam, telur dan minyak masak lonjak inflasi

Bersedia untuk inflasi makanan

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**
farahin.hussin@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Keputusan kerajaan memansuhkan subsidi ayam, telur dan minyak masak botol dijangka menyebabkan inflasi makanan melonjak dalam situasi harga komoditi global yang lebih tinggi.

Menurut MIDF Research, sepanjang 2011 hingga 2019, purata inflasi makanan ialah 2.9 peratus setahun dan setakat empat bulan tahun ini, harga makanan meningkat sebanyak 3.9 peratus tahun ke tahun.

Firma penyelidikan itu kemudian meramalkan tekanan inflasi keseluruhan mungkin mencapai lebih 3.0 peratus jika + inflasi makanan meningkat lebih tinggi daripada paras semasa tahun ini.

"Inflasi makanan akan meningkat kepada 3.5 peratus pada 2022 dan sederhana kepada 2.9 peratus pada 2023, mencerminkan sedikit peningkatan dalam bekalan makanan domestik.

"Sekiranya bekalan makanan domestik semakin teruk, inflasi utama mungkin menyentuh puncak baharu iaitu pada 5.8 peratus tahun ke tahun jika inflasi makanan melonjak sebanyak 7.0 peratus tahun ini dan 10 peratus pada 2023," katanya dalam nota kajian.



SUBSIDI ayam dinansulkan pada 1 Julai ini bakal membawa impak inflasi makanan, seterusnya meningkatkan inflasi utama. - GAMBAR HIASAN

MIDF Research berkata, mentah bréut berada pada paras purata AS\$112 setong tahun ini dan AS\$120 setong pada 2023.

"Paling penting, subsidi bahan api untuk RON95 dan Diesel diandaikan kekal pada paras se-

masa-sehingga akhir 2023. Kami juga meneroka senario lain terutamanya jika subsidi bahan api dihapuskan secara beransur-ansur dan serta-merta.

"Walaupun dengan fasa beransur-ansur, inflasi utama akan meningkat melepasi 5.0 peratus pada 2023 kerana pengguna dan pengeluar perlu menyesuaikan dan menormalkan daripada RON95 bersubsidi RM2.05 seliter kepada RM4.67 seliter menjelang akhir 2023.

"Pada ketika ini, kebanyakan ekonomi menghadapi dilema dasar terutamanya dalam mengimbangi antara pertumbuhan ekonomi, risiko inflasi dan beban fiskal.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nairi Linggi berkata, kerajaan memutuskan harga kawalan siling ayam, telur ayam dan subsidi minyak masak tulen bagi pek kemas botol tidak akan diteruskan mulai 1 Julai ini.

Tindakan itu diambil bagi memastikan bekalan bahan makanan dalam pasaran akan lebih stabil dalam jangka masa yang panjang dan seterusnya menstabilkan harga barangan.

Bagaimanapun subsidi bagi minyak masak paket satu kilogram masih diteruskan.

Arowana merah cecah RM17,000

MARANG – Hobi mahal seorang lelaki mentransformasikan ikan kelisa atau arowana kepada warna merah ternyata berbaloi apabila spesies itu membawa rezeki lumayan kepadanya selepas ia mampu dijual antara RM1,800 hingga RM17,000 seekor.

Khairul Anuar Saad, 38, berkata, pada mulanya dia hanya membela seekor ikan arowana jenis super red Kalimantan yang diperolehi dari negara jiran pada tahun 2019.

Katanya, tanpa diduga, dia kini boleh menjual sehingga 40 ekor seminggu mengikut saiz dan kecantikan warna merah pada sisiknya.

“Proses untuk menaikkan warna merah pada kulit badan ikan tersebut agak rumit yang menelan kos tinggi dan memakan masa sehingga setahun.

“Saya menggunakan teknik ‘tanning’ yang memerlukan pencahayaan lampu pada akuarium selama 12 jam sehari,” katanya ketika ditemui di Kam-



KHAIRUL ANUAR menunjukkan arowana merah yang dibela ketika ditemui di Kampung Alor Ut, Bukit Payung Marang semalam.

pung Alor Lit, Bukit Payung di sini semalam.

Menurut Khairul Anuar, bagi mendapatkan warna itu, air akuarium juga perlu ditukar setiap hari bagi mengekalkan suhu dan alkalinanya untuk memastikan kesihatan ikan berada pada tahap terbaik.

Tambahnya, kos keseluruhan penjagaan termasuk makanan ikan arowana agak tinggi sehingga RM1,000 sebulan.

“Kos itu tidak termasuk bil elektrik yang mencecah RM1,200 sebulan selain risiko bekalan ikan mati sewaktu proses penghantaran,” katanya.

Hasil jualan ikan spesies itu begitu lumayan kerana permintaan dalam kalangan peminat tempatan amat tinggi.

Bekas jurutera jadi petani, raih 'gaji' bulanan RM6,500

KOTA TINGGI - Seorang pemegang ijazah sarjana muda kejuruteraan elektrik tidak pernah menyesal dengan keputusannya untuk memilih bidang pertanian sebagai pekerjaan utama.

Alif Haiqal Ibrahim, 32, kini mengusahakan pelbagai tanaman kontan secara fertigasi di atas tanah seluas 0.52 hektar milik ibu bapanya.

Menurut Alif Haiqal, tujuannya beralih ke bidang itu juga kerana mahu menetap di kampung untuk menjaga kedua-dua orang tuanya yang sudah berusta.

Katanya, selepas tamat pengajian, dia telah bekerja sebagai jurutera elektrik selama tiga tahun sebelum mengambil keputusan berhenti kerja untuk fokus dalam bidang pertanian.

"Sebelum berhenti kerja, saya sudah bangunkan sedikit demi sedikit kebun melalui kaedah fertigasi selepas sertai kursus.

"Setelah siap bangunkan kebun dengan sistem itu, saya terus hantar surat berhenti kerja. Saya menggunakan modal kira-kira RM15,000 untuk membangunkan kebun yang kini menempatkan tanaman seperti bendi, peria, kak, kacang botol dan juga cili.

"Alhamdulillah untuk sebulan sahaja, saya mampu meraih pendapatan sehingga RM6,500 dengan mengusahakan semua tanaman ini berseorangan.

"Selama lima tahun menceburi bidang ini, masa saya sekurang lebih fleksibel berbanding makan gaji," katanya di kebunnya di Kampung Tuan Sheh Tanjung Sedili di sini baru-baru ini.

Alif Haiqal memberitahu, sistem fertigasi gantung yang diusahakan melibatkan 2,500 polibeg bagi tanaman peria, kakak dan juga kacang botol.

"Saya mengusahakan empat plot tanaman. Semuanya perlu

dirancang dengan teliti untuk tempoh setahun kerana ada waktu-waktu di mana kebun akan berdepan dengan situasi banjir.

"Sebab itu saya menggunakan teknik tanaman gantung agar risiko tanaman terjejas dapat dikurangkan," ujarnya.

Katanya, selain banji, dia juga pernah berdepan cabaran apabila sebanyak 1,300 polibeg tanaman terung yang diusahakan diserang penyakit sehingga menyebabkan kerugian RM3,500.


Namun, semua cabaran yang dihadapinya tidak pernah matahkan semangat untuk terus berbakti kepada tanah dan mengangap ia sebagai asam garam dalam pertanian.

"Agensi kerajaan juga banyak memberi bantuan serta dorongan kepada saya untuk terus berjaya dalam bidang ini. Mereka juga ada buat pemantauan di kebun saya," katanya.



ALIF HAIQAL memetik bendi yang ditanam di kebunnya di Kampung Tuan Sheh Tanjung Sedili, Kota Tinggi baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2022	BERITA HARIAN	BISNES	S4



Inflasi makanan dijangka melonjak

Pemansuhan subsidi menyebabkan harga ayam, telur, minyak masak botol meningkat

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

+ Langkah kerajaan memansuhkan subsidi ayam, telur dan minyak masak botol dijangka menyebabkan inflasi makanan meningkat lebih tinggi di tengah-

tengah kemuncak harga komoditi pada peringkat global, demikian menurut MIDF Research.

Firma penyelidikan itu dalam satu nota penyelidikan, berkata dalam tempoh empat bulan tahun ini, harga makanan meningkat sebanyak 3.9 peratus tahun ke tahun.

Malah, katanya, ia meramalkan tekanan inflasi keseluruhan mungkin melebihi 3.0 peratus tahun ke tahun jika harga makanan meningkat lebih tinggi daripada paras semasa.

"Sekiranya isu bekalan makanan domestik semakin teruk, inflasi utama mungkin mencecah punca baharu 5.8 peratus tahun ke tahun jika inflasi makanan melonjak sebanyak 7.0 peratus tahun ini dan 10 peratus

pada 2023," katanya.

Sepanjang 2011 hingga 2019, purata inflasi makanan adalah sekitar 2.9 peratus setahun.

MIDF Research berkata, senario ini dibuat berdasarkan andaian bahawa harga minyak dan Brent berada pada paras purata AS\$112 setong tahun ini dan AS\$120 setong pada 2023.

"Paling penting, subsidi bahan api untuk RON95 dan Diesel diandaikan kekal pada paras semasa sehingga akhir 2023," katanya.

Menurut firma penyelidikan itu, ia turut meninjau senario lain terutama jika subsidi bahan api dimansuhkan secara bertansuransur dan serta-merta.

"Walaupun dengan fasa beransur-ansur, inflasi utama akan

meningkat melepasi 5.0 peratus pada 2023 kerana penggunaan dan pengeluaran perlu menyesuaikan serta menormalkan keadaan daripada RON95 bersubsidi RM2.05 seliter kepada RM4.67 seliter menjelang akhir tahun depan.

"Pada ketika ini, kebanyakan ekonomi menghadapi trilema dasar terutama dalam mengimbangi antara pertumbuhan ekonomi, risiko inflasi dan beban fiskal," katanya.

Kawalan harga siling ayam, telur ayam serta subsidi minyak masak botol bagi isipadu dua, tiga dan lima kilogram tidak akan diteruskan mulai 1 Julai ini.

Sebelum ini, dilaporkan penternak berharap kerajaan menga-pungkan harga ayam susulan penamatan subsidi kepada mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata berkuat kuasa 1 Julai ini, Putrajaya tidak akan lagi memberikan subsidi kepada penternak ayam.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata subsidi minyak masak botol dua hingga lima kilogram dimansuhkan juga bermula 1 Julai ini.

Tindakan itu diambil bagi memastikan bekalan bahan makanan dalam pasaran akan lebih stabil dalam jangka masa yang panjang dan seterusnya menstabilkan harga barangan.

Bagaimanapun subsidi bagi minyak masak paket satu kilogram masih diteruskan.

500 pesawah hadapi masalah pengairan

Sumber air tak mencukupi jejas pertumbuhan tanaman padi

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Kira-kira 500 petani di Pulau Langkawi, Kedah berdepan masalah bekalan air tidak mencukupi dan sistem saliran tidak sempurna setiap kali musim hujan datang kerana menyebabkan me-

reka kerugian dan terjejas pendapatan.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader, berkata selain itu petani turut berdepan ancaman rumput yang semakin luas di petak sawah.

Katanya, antara kampung yang terbahit ialah Kampung Baru, Mawar, Bukit Temin, Bayas, Lubuk Setoi, Nyior Chabang dan Padang Mat Sirat.

"Menerusi tinjauan CAP di dapati hampir separuh daripada 2,000 rehang sawah yang diusahakan petani kampung itu terencat pembesarannya dan ditumbuhi rumput.

"CAP difahamkan petani di



Sistem saliran yang perlu diperbaiki dan dinaiktaraf bagi mengatasi beberapa masalah yang dihadapi kira-kira 500 petani di Pulau Langkawi. (Foto Ihsan CAP)

sini mengerjakan sawah dua kali setahun dan hanya menguarakan air hujan bagi mengairi tanaman padi mereka," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Mohideen berkata, CAP memang sangat serius masalah itu kerana ia bukan sahaja menjejaskan kehidupan petani, tetapi juga pengeluaran hasil makanan negara.

"CAP percaya dan bimbang jika masalah ini berterusan ia boleh menggugat sektor pertanian dan ekonomi negara pada masa akan datang.

"Justeru, CAP menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan agensi berkaitan

menyiasat masalah ini serta menjangkit tindakan segera bagi mengatasinya," katanya.

Sementara itu, petani, Amin Saad, 37, berkata masalah itu menyebabkan mereka mengalami kemerosotan hasil lebih 50 peratus dan kerugian besar kerana banyak pokok padi yang mati dan buahnya tidak berisi.

"Selain penanaman padi biasa, kawasan projek padi pulut juga mengalami keadaan sama menyebabkan ada antara petani yang menyertai projek itu menghentikan penanaman padi berkenaan.

"Kehidupan kami sekarang amat membebankan kerana terpaksa membelanjakan wang yang

banyak bagi mengatasi masalah itu terutama kepada penyewa tanah sawah berikutnya, bayaran mahal berbanding hasil padi yang amat sedikit kami peroleh," katanya.

Ahmad Nayan, 54, turut berasa kesal walaupun masalah itu sudah lama berlaku, hingga sekarang tidak ada tindakan diambil bagi mengatasinya.

"Kami mencadangkan supaya pihak berkenaan menaik taraf dan membersihkan saluran sepanjang kira-kira satu kilometer dari Lubuk Sembilang hingga Bukit Hantu serta membina empangan bagi menyimpan air dari Gunung Raya bagi kegunaan petani," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2022	HARAKAH	PERIKATAN NASIONAL	H14

Perbadanan Pertanian tanam sawi secara hidroponik

KOTA BHARU: Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) berjaya menghasilkan pengeluaran sawi dan salad kira-kira 2.5 tan sebulan.

Tanaman itu diusahakan secara hidroponik yang bebas racun. Kejayaan itu juga dapat mengurangkan import sayur-sayuran berdaun dari Thailand.

Sawi dijual dengan harga RM 2.50 sekg menjadikan

jumlah hasil sebulan sebanyak RM3,250. Manakala jualan salad pula pada harga RM4.50 sekg dengan nilai RM5,400 semusim.

Sayur-sayuran tersebut dipasar di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong kepada orang awam.

Penyelia kebun terbahit Zulkarnain Mohd Naim berkata, proses penanaman sawi bermula dengan penyemaian biji benih selama

empat hari, dan pada hari kelima anak benih dipindah ke tapak penanaman.

Katanya proses tuaian pula berlaku antara 30-35 hari bergantung kepada cuaca.

"Manakala proses penanaman salad pula bermula proses semaian biji benih selama tujuh hari dan pada hari kelapan dipindah ke tapak.

"Proses tuaian juga berlaku antara 45-50 hari. Tanaman tersebut akan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan dapat menjana lebih banyak hasil," katanya ketika dite-

mui UPKN.

PKPNK menyasarkan sebanyak empat lagi tanaman sawi dan salad secara Struktur Perlindungan Hujan (SPH) menggunakan sistem teknologi perisian IOT yang melibatkan kos sebanyak RM1.2 juta di Ladang Rong Chenok.

Zulkarnain juga berkata, penggunaan baja racun perosak hanya digunakan sekali sahaja pada minggu kedua tanaman sawi.

Manakala katanya tanaman salad pula 100 peratus organik serta tidak menggunakan sebarang racun perosak.



Tanaman sayur-sayuran secara hidroponik yang diusahakan Perbadanan Pertanian Negeri Kelantan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

Jejas

pendapatan petani

Oleh Zubainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Bekalan air tidak mencukupi dan sistem saliran tak sempurna antara masalah dihadapi 500 petani di Pulau Langkawi, Kedah, setiap kali musim memuai.

Malah, mereka turut mengalami kerugian dan terjejas pendapatan akibat beberapa lagi masalah dihadapi.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, selain itu, petani turut berdepan dengan ancaman rumput yang semakin luas di petak sawah.

Katanya, antara kampung terbabit ialah Kampung Baru, Mawar, Bukit Temin, Bayas, Lubuk Setoi, Nyior Chabang dan Padang Mat Sirat.

"Menerusi tinjauan CAP didapati hampir separuh daripada 2,000 relung sawah diusahakan petani kampung itu terencat pem-

500 dakwa alami kerugian akibat bekalan air tak cukup, sistem saliran tidak sempurna



SALIRAN yang perlu dibaiki dan dinaik taraf bagi mengatasi masalah dihadapi petani di Pulau Langkawi, Kedah.

besarannya dan ditumbuhi rumput.

"CAP difahamkan petani di sini mengerjakan sawah dua kali setahun dan hanya mengharapkan air hujan bagi mengairi tanaman me-

reka," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut Mohideen berkata, CAP memandang serius masalah itu kerana ia bukan saja menjejaskan kehidupan petani te-

tapi juga pengeluaran hasil makanan negara.

"CAP percaya dan bimbang jika masalah ini berterusan ia boleh menggugat sektor pertanian dan ekonomi negara, pada masa

akan datang.
"Justeru, CAP menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan agensi berkaitan menyasat masalah ini dan mengambil tindakan segera bagi mengatasinya," katanya.

Sementara itu, petani Amin Saad, 37, berkata, masalah itu menyebabkan mereka mengalami kemerosotan hasil lebih 50 peratus dan kerugian besar kerana banyak pokok padi mati.

"Selain penanaman padi biasa, kawasan projek padi pulut juga alami keadaan sama menyebabkan ada antara petani menyertai projek itu menghentikan penanaman padi berkenaan.

"Kehidupan kami sekarang amat membebankan kerana terpaksa membelanjakan wang yang banyak bagi mengatasi masalah itu terutama kepada penyewa tanah sawah berkaitan bayarannya mahal berbanding hasil padi yang amat sedikit kami peroleh," katanya.

Derita 2,000 penduduk, lalat bercampur dengan makanan

Oleh AZAHAR HASHIM
utusannews@mediamula.com.my

BANDAR BAHARU: Penduduk tiga buah kampung di Mukim Terap, di sini mahu pihak berwajib campur tangan segera bagi menyelesaikan isu lalat yang dipercayai berpunca daripada ladang ayam berdekatan.

Dakwa mereka, isu yang berlarutan sejak 20 tahun lalu itu masih berulang setiap kali haiwan itu dibawa keluar dari ladang ternakan untuk ke pasaran sehingga menimbulkan resah dalam kalangan penduduk di Kampung Terap, Kampung Terap Batu 10 dan Kampung Bendang Sera.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Terap Batu 10, Annuar Mansor berkata, kehidupan kira-kira 2,000 penduduk terganggu disebabkan masalah tersebut.

Katanya, penduduk yang paling teruk terkesan ialah mereka yang tinggal di Kampung Terap Batu 10 kerana kedudukannya yang hanya berjarak 100 ke 200



SHAHREZAL Hassan (kiri) bersama Annuar Mansor menunjukkan lalat yang terperangkap pada kertas perangkap serangga ketika ditemui di Kampung Terap Batu 10, Bandar Baharu. - UTUSAN/AZAHAR HASHIM

meter dari tiga buah ladang berhampiran.

"Walaupun ada penternak yang menjalankan operasi ladang secara tertutup, namun ia tidak melibatkan keseluruhan

nyanya kerana masih ada penternak menjalankan ladang secara terbuka yang kami rasa tidak sesuai dengan keadaan semasa.

"Bayangkan setiap hari penduduk diganggu lalat sehing-

ga nak makan pun terpaksa menghalau lalat dahulu dan adakalanya lalat sudah bercampur dengan makanan kami.

"Itu belum lagi penderitaan yang dihadapi oleh pengusaha

kedai makan di kawasan ini sehingga pelanggan yang nak datang ke kedai terus beredar begitu sahaja," katanya ketika ditemui semalam.

Menurut Annuar, walaupun pihak penternak membantu penduduk dengan memberi kertas perangkap serangga dan alat semburan bagi menghalau lalat, namun ia tidak berhasil kerana jumlah lalat yang terlalu banyak.

Jelasnya, keadaan itu juga menimbulkan pandangan serong daripada pengunjung luar yang datang ke situ, misalnya jika diadakan majlis kenduri perkahwinan atau kenduri kesyukuran.

Sementara itu, seorang penduduk, Shahrezal Hassan, 38, mahukan pihak berkuasa menyelesaikan isu itu serta bersimpati dengan masalah dihadapi rakyat.

"Sampai bila penduduk di sini akan dibelenggu dengan masalah lalat, setiap kali ayam keluar dari ladang selama dua atau tiga minggu kami terpaksa berdepan isu sama," ujarnya.



Hobi pelihara arowana jadi sumber rezeki

BERMULA sebagai hobi memelihara ikan kelisa, seorang perahil ikan merah pendapatan lumayan dengan menjual ikan hiasan tersebut sejak tiga tahun lalu.

Menurut Khairul Anuar Saad, 38, dari Kampung Alor Lit, Bukit Payung, Marang Terengganu, mulanya, dia memelihara dua ekor ikan berkenaan untuk memenuhi hobinya pada tahun 2019.

"Pada setiap minggu saya terpaksa mengimport antara 20 hingga 40 ekor anak ikan hiasan itu dari Indonesia untuk menampung permintaan pelanggan," katanya.

Khairul Anuar memberitahu, harga seekor ikan kelisa atau dikenali sebagai arowana di pasaran antara RM1,800 hingga RM17,000 dan ia lebih mahal sekiranya sisik berwarna merah.

"Untuk 'menaikkan' warna merah pada kulit ikan itu, dia memastikan sistem lampu pencahayaan pada akuarium yang perlu dipasang 12 jam setiap hari.

■ **KHAIRUL** Anuar Saad menunjukkan ikan arowana jenis *super red Kalimantan* yang dipelihara di rumahnya di Kampung Alor Lit, Bukit Payung, Marang, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI



HARGA barangan seperti ayam perlu ditetapkan mengikut penawaran serta permintaan di pasaran dan bukan ditentukan oleh kerajaan. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Tolak campur tangan GLC, GLIC dalam industri agromakanan

SAUDARA PENGARANG.

KERAJAAN melalui Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) baru-baru ini memperkenalkan harga siling bergerak untuk barang makanan bagi membantu mewujudkan ekosistem yang inklusif dalam menangani isu sekuriti makanan.

Harga siling bergerak tersebut dikatakan akan berubah mengikut faktor harga input dalam rantaian bekalan.

Bagaimanapun, harga adalah sesuatu yang ditetapkan mengikut penawaran dan permintaan di pasaran dan ia bukanlah sesuatu yang boleh ditetapkan atau diubah begitu sahaja oleh kerajaan.

Keadaan harga yang saling bersangkut paut dapat dilihat pada tindakan penggunaan dan pengeluaran bersandarkan kepada harga relatif dan jangkaan keuntungan, yang sebenarnya mencerminkan struktur penawaran dan permintaan di pasaran.

Untuk memahami sepenuhnya keperluan sebenar dalam sistem ekonomi, ketetapan perlu dilakukan di dalam pasaran sendiri dan bukannya menggunakan tekanan luar daripada kerajaan. Keadaan ini akan memastikan produk adalah berdasarkan permintaan dan mengurangkan pembaziran sumber.

Tambahan pula, data-data yang digunakan dalam menentukan harga siling bergerak ini tidak semestinya memberikan gambaran lengkap tentang situasi sebenar ekonomi.

Hal ini disebabkan oleh data dan maklumat tersebut sentiasa berubah-ubah sekali gus menyebabkannya menjadi tidak relevan pada saat para pembuat dasar hendak menentukan harga siling baharu.

Bukan itu sahaja, harga juga ditentukan oleh penawaran dan permintaan dalam pasaran bagi tujuan pengeluaran. Para pemain dalam pasaran seperti usahawan, memiliki kata putus dalam menentukan kadar penggunaan sumber mereka serta bagaimana unjuran harga dan pasaran akan berubah pada masa akan datang.

Maka, harga tetap tidak akan mewujudkan satu persekitaran yang terjamin bagi tujuan pengeluaran. Seterusnya, kami menyokong keperluan

untuk memastikan kualiti, kuantiti dan pengeluaran makanan berada pada tahap optimum bagi memastikan kelangsungan bekalan.

Namun, kita harus memikirkan semula mekanisme cadangan campur tangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan agensi kerajaan dalam keseluruhan rantaian bekalan.

Adakah campur tangan ini benar-benar dilakukan dengan pemahaman yang jelas tentang keperluan sebenar pasaran? Penyertaan GLC dan GLIC dalam keadaan harga siling bergerak (bukan berasaskan harga pasaran) akan berakhir dengan keputusan pengeluaran yang tidak wajar, dan akhirnya akan memberi kesan lebih teruk.

Penyertaan kerajaan dalam dunia perniagaan melalui GLC dan GLIC bakal menghimpit ruang sektor swasta dan menjejaskan kedinamikan ekonomi. Hal ini disebabkan oleh tanggapan pasaran yang kurang menguntungkan bagi sektor swasta kerana keutamaan akses diberikan kepada GLC dan GLIC.

Dalam pada itu, terdapat juga persepsi awam yang kuat terhadap kelemahan tadbir urus sesetengah GLC dan GLIC di bawah pentadbiran pemimpin politik.

Tambahan pula, wujud kekurangan pengawasan berkesan dan bebas terhadap GLC dan GLIC yang menghalang usaha untuk mencapai akauntabiliti dan ketelusan yang lebih cemerlang.

Dengan segala kelemahan pengawasan tersebut, adakah campur tangan kerajaan dalam industri agromakanan akan mengakibatkan salah urus, ketidakcekapan dan seterusnya memburukkan lagi isu sekuriti makanan?

Sepatutnya kerajaan perlu berusaha untuk menangani secara efektif permasalahan seperti kewujudan kartel, kekurangan persaingan dan penyembunyian bekalan demi sekuriti makanan. Elak penglibatan terus GLC, GLIC dan agensi kerajaan dalam industri agromakanan yang akan menyekat persaingan.

ABEL BENJAMIN LIM & JULIANA LAJUDDIN
Penganalisis ekonomi

**ISKANDAR
HASAN
TAN ABDULLAH**



SEJAK kebelakangan ini, serangan ke atas kegagalan kerajaan Pas Kelantan dilancarkan oleh gerakan *Save Kelantan* sempena Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15). Melihat kepada perkembangan dan sambutan diberikan, *Save Kelantan* semakin mendapat perhatian daripada segenap golongan rakyat Kelantan sendiri mahupun yang tinggal di luar negeri itu.

Ini bermakna *Save Kelantan* sangat berimpak tinggi dan mampu memberikan kesan kepada kedudukan Pas di negeri berkenaan. Antara isu-isu yang dilontarkan adalah pembalakan di hutan simpan dara sehinggalah masalah bekalan air. Isu pembalakan dan pembersihan hutan yang dijalankan di Kelantan memberikan kesan kepada pencemaran air sungai bermula dari hulu sungai. Impak pembalakan dan pembersihan hutan yang tidak terurus ini juga memberikan kesan kepada kawasan tadahan air dan pengaliran keluar tanah-tanah hutan ke dalam Sungai Kelantan.

Amat menarik apabila kelihatan kerajaan negeri kurang berkesan dalam menangani setiap isu yang dibangkitkan oleh *Save Kelantan*. Bermula dengan isu air yang bukan sahaja dihadapi oleh semua lapisan rakyat Kelantan, malahan memberi kesan kepada aktiviti pelancongan di negeri tersebut. Rata-ratanya kawasan yang sering menjadi tumpuan pelancong juga tidak terurus dan sering kali menghadapi masalah bekalan air.

Isu air yang berlaku di Kelantan bukan sahaja menjejaskan pengguna domestik tetapi turut memberi implikasi ke atas pelbagai isu berkaitan. Terbaharu, apa yang berlaku semasa kebakaran di Berek 12, Kota Bharu pada 29 April lalu telah memusnahkan enam buah rumah kerana api tidak dapat dikawal berpunca dampak ketiadaan bekalan air. Menurut penduduk setempat, kawasan Berek



ISU bekalan air menjejaskan sebahagian kawasan pertanian di Kelantan seperti sawah padi yang memerlukan terusan air. - FACEBOOK SAVE KELANTAN

Isu rakyat Kelantan bila nak selesai?

“Rata-ratanya kawasan yang sering menjadi tumpuan pelancong juga tidak terurus dan sering kali menghadapi masalah bekalan air.”

12 yang berada di tengah-tengah bandar Kota Bharu sudah 11 hari tiada bekalan air, ditambah pula berlaku kebakaran sudah tentu menyukarkan pihak bomba memadamkan api.

Tragedi ini sebenarnya boleh dielakkan tetapi kerana tekanan rendah dan ketiadaan air, maka implikasi yang menerimanya adalah penduduk di negeri berkenaan. Disebabkan isu

bekalan air juga menjejaskan sebahagian kawasan pertanian yang memerlukan terusan air bagi mengusahakan tanah pertanian seperti sawah padi dan sebagainya. Boleh dikatakan tanah pertanian sawah padi di negeri lain boleh diusahakan sebanyak tiga atau empat kali setahun. Namun, majoriti tanah sawah padi di Kelantan hanya boleh diusahakan kurang dari tiga kali setahun.

TANGKI AIR

Aspek bekalan air di Kelantan hanya meliputi 70 peratus daripada keseluruhan kepenggunaan air oleh penduduk negeri itu. Ini bermakna kegagalan kerajaan negeri untuk menyediakan bekalan air bersih dan terawat adalah jauh sekali daripada piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Alam Sekitar.

Pertukaran paip air bukan jalan penyelesaian terbaik jika kerajaan negeri menginginkannya liputan luas bekalan air mencapai 95

peratus dengan bekalan air terawat dan bersih. Cadangan penambahan RM11.6 juta untuk membina tangki air bagi menampung kekurangan air di sebahagian kawasan terjejas adalah satu pembaziran. Kelantan bukanlah sebuah negeri yang mempunyai krisis air seperti negeri-negeri lain. Sebenarnya bekalan air di Kelantan adalah mencukupi jika penjagaan hutan dan kawasan tadahan air terurus.

Isu selain krisis air adalah isu pekerjaan untuk anak-anak muda bergraduan. Boleh dilihat kebanyakan pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak swasta adalah kategori separa kemahiran buruh atau hanya memerlukan kelulusan akademik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Amat susah untuk anak-anak muda bergraduan mencari pekerjaan yang setimpal dengan kelayakan akademik dengan gaji ditawarkan.

Masa kini dilihat banyak pekerjaan yang ditawarkan adakalanya lebih rendah

gaji daripada kelayakan akademik disebabkan ketiadaan kemasukan pelaburan berteknologi tinggi. Banyak kawasan industri kelihatan kurang berfungsi dan memainkan peranan penting dalam menjana pekerjaan berpendapatan tinggi. Ini menyebabkan ramai anak muda yang mempunyai ijazah sarjana ke atas sukar mendapatkan pekerjaan mengikut bidang pengkhususan.

Disebabkan itu, majoriti anak-anak Kelantan terpaksa berhijrah keluar dari negeri berkenaan untuk mencari pekerjaan selama berdekad-dekad lamanya. Kelantan akhirnya kehilangan bakat pengurusan anak-anak muda untuk membangunkan negeri tersebut. Situasi ini sebenarnya memberi kesan kepada jangka masa panjang iaitu Kelantan telah ketinggalan dari segi pembangunan infrastruktur dan bakat daya saing yang menyebabkan negeri itu berada dalam stigma kemiskinan dan ketinggalan.

Situasi gejala sosial juga semakin hari semakin tidak terkawal sama ada dari segi polemik isu dadah sehinggalah isu kehidupan anak-anak terabai disebabkan perceraian dan keluarga bermasalah. Hampir segenap kampung dan taman perumahan sudah pasti mempunyai masalah dadah dalam kalangan anak-anak mukim mereka. Ketagihan pil kuda, ketum dan arak yang diperolehi dari sempadan negara telah menjerumus sebahagian anak muda yang datang dari keluarga bermasalah.

Majoriti keluarga bermasalah ini berpunca daripada kemiskinan dan ketidakupayaan penjagaan ketua keluarga. Rata-rata rakyat negeri berkenaan berpendapat bahawa kerajaan Pas Kelantan kurang berkesan dalam menguruskan gejala sosial yang semakin meningkat dan tidak terkawal.

Kini Pas adalah sebahagian daripada kerajaan Pusat tetapi ramai bertanya akan kefungsian kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu yang selama ini menyelimuti rakyat Kelantan.

DR. Iskandar Hasan Tan Abdullah ialah Pensyarah Kanan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2022	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Kerjasama bersepadu mampu rancakkan pengeluaran makanan

• Inflasi, kejatuhan nilai ringgit mempengaruhi harga dan bekalan makanan dalam negara

• Hanya 19 barang makanan merekodkan SSR melebihi 100 peratus pada 2020 berbanding 25 jenis barang pada 2019

• Keluasan tanah terbiar di negara ini ialah 103,563 hektar atau 1,035.63 kilometer persegi iaitu sebesar Pulau Pinang



Oleh Dr Moid Zaidi Md Zabri
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Jabatan Kewangan,
Fakulti Perniagaan
dan Ekonomi,
Universiti Malaya
(UM)

Umum mengetahui bahawa satu daripada sektor yang paling terkesan akibat pandemik COVID-19 ialah sektor ekonomi. Meskipun begitu, peralihan ke fasa endemik, satu daripada kesan tidak disengajakan sedang dirasakan rakyat ialah kenaikan harga barang.

Jabatan Perangkaan melaporkan, kadar inflasi negara pada April lalu meningkat 2.3 peratus berbanding April 2021.

Kenaikan itu didorong sebahagian besar dalam kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol iaitu 4.1 peratus, melepasi purata inflasi negara bagi tempoh 2011 hingga April 2022 (1.9 peratus).

Pada Mac lalu, dunia juga terpaksa berhadapan krisis makanan meruncing sejak berkecambah lamanya berikutan pencerobohan Russia ke atas Ukraine.

Russia adalah pengeluar utama baja diperlukan untuk menanam bijirin. Rentetan pencerobohan Russia itu, Ukraine tidak mampu mengeksport jagung dan bijirin, komponen utama makanan ayam.

Justeru, rakyat Malaysia menyaksikan harga ayam melonjak setinggi RM15 sekilogram walaupun kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) menetapkan harga siling jualan sebanyak RM9.90 sekilogram.

Kenaikan berterusan dalam inflasi harga makanan ini menjejaskan kuasa beli dan pendapatan golongan M40 dan B40 yang masih bergelut dalam kehidupan akibat kesan pandemik COVID-19.

Justeru, sebagai langkah jangka pendek, mulai 1 Jun lalu, kerajaan membuat keputusan mengurangkan eksport ayam mencecah 3.5 juta ayam setiap bulan demi menstabilkan pengeluaran untuk keperluan dan harga domestik.

Sungguhpun begitu, sekiranya kekurangan bekalan ayam ini ditingkap secara holistik, kita bakal menyaksikan masalah lebih membarah iaitu struktur industri pertanian Malaysia bergantung tinggi kepada makanan import.

Untuk makluman, tahap keselamatan makanan sesebuah negara diukur menggunakan nisbah mampu diri (SSR). Organisasi Makanan dan Pertanian bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), SSR menerangkan sejauh mana bekalan atau pengeluaran komoditi pertanian dapat memenuhi permintaan domestik.

SSR sebanyak 100 peratus atau lebih menunjukkan bekalan atau pengeluaran komoditi pertanian mencukupi untuk memenuhi permintaan negara, begitu juga sebaliknya.

Meskipun negara bertuah ini begitu kaya dengan sumber asli, termasuk tanah subur untuk pertanian, Jabatan Perangkaan mendedahkan hanya 19 barang makanan berjaya merekodkan SSR melebihi 100 peratus pada 2020 berbanding 25 jenis pada 2019.

Antara bahan makanan mencatatkan SSR kurang daripada 100 peratus ialah daging kambing (9.6 peratus), halia (18.9 peratus), mangga (20.2 peratus), daging lembu (22.2 peratus), cili (30.9 peratus), kubis bulat (37.5 peratus), susu segar (65.0 peratus), beras (63.0 peratus), kelapa (66.6 peratus), keledaik (75.6 peratus) dan sardin (80.7 peratus).

Sekiranya mengambil kira jumlah besar import makanan negara, pada 2020 Malaysia mengimport produk makanan dengan nilai sebanyak RM55.5 bilion, berbanding eksport bernilai RM33.8 bilion (defisit sebanyak RM21.7 bilion).

Bahkan, lebih membimbangkan, sejak sedekad

“Sebagai penyelesaian jangka masa sederhana dan panjang, kita harus mengusahakan seluas mungkin daripada ‘bank’ tanah terbiar di negara ini”

lalu, jumlah terkumpul import makanan negara ialah sebanyak RM482.8 bilion berbanding eksport (RM296 bilion).

Permasalahan ini semakin meruncing dengan kejatuhan nilai ringgit. Pada 1 Januari lalu, AS\$1 bersamaan RM4.18 dan kebelakangan ini, ringgit melemah sekitar atau lebih RM4.40.

Sebagai contoh, seminggu sebelum Russia menceroob Ukraine, harga gandum dunia ialah sekitar AS\$760.14 (RM3,200.19) segantang dan kini, harga gandum berlegar di sekitar AS\$1,000 (RM4,391.50) segantang.

Disebabkan kejatuhan nilai ringgit, pentarik ayam perlu menyerap kenaikan kos hampir setengah kali ganda untuk mengimport bahan mentah mereka.

Natifahnya, semakin banyak import kita, lebih banyak ringgit mengalir keluar dari negara ini. Semakin ‘deras’ pengaliran keluar mata wang kita, kedudukan ringgit bakal melemah.

Dj samping itu, Indeks Keselamatan Makanan Global 2021 oleh *The Economist Group* meletakkan Malaysia di kedudukan ke-39, jauh di belakang Ireland (pertama), United Kingdom (UK) (ketiga), Finland (keempat) dan Belanda (keenam).

Malaysia juga jauh ketinggalan dengan Singapura berada pada kedudukan ke-15, Qatar (ke-24) dan Kuwait (ke-30).

Sebagai penyelesaian jangka masa sederhana dan panjang, kita harus mengusahakan seluas mungkin daripada ‘bank’ tanah terbiar di negara ini.

Menurut Jabatan Pertanian, keluasan tanah terbiar di negara ini ialah 103,563 hektar atau 1,035.63 kilometer (km) persegi iaitu sebesar Pulau Pinang berkeluasan 1,031 km persegi.

Justeru, kita memerlukan penggabungan tenaga dan kerjasama strategik di antara kerajaan Persekutuan dan negeri demi memanfaatkan tanah sebesar Pulau Pinang ini.

Selain itu, kita boleh memanfaatkan bangunan terbiar bagi menanam pelbagai jenis tanaman makanan, terutama sayur-sayuran.

Penggunaan teknologi pertanian seperti pertanian pintar, pertanian jitu dan pertanian menagak dipacu *internet of things* (IoT), data raya dan kecerdasan buatan (AI) perlu dipertingkatkan ketika ini.

Kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan kadar pembabitan golongan belia rendah (atau hanya 15 peratus daripada 1.4 juta belia di negara ini dalam bidang pertanian juga menjejaskan kemampuan negara dalam bidang pertanian.

Oleh hal demikian, kita memerlukan satu pelan dan pelaksanaan komprehensif bagi melaksanakan kerjasama bersepadu di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Bella dan Sukan dalam merangka program latihan dan membangunkan insentif kewangan bersasar demi menarik minat usahawan tani muda terbit dalam sektor pertanian.

Melalui daya usaha di atas, ia mampu merancakkan pengeluaran makanan tempatan, menjamin keselamatan makanan, mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan melewatkan kesan pemanasan global.





Hope Shelter uses 80 bags of pet food daily. (Right) Workers cleaning the compound where the dogs are kept at Hope Shelter in Pekan Nanas.

'Donations dropped when pandemic hit'

> FROM PAGE 1

Chia said people had stopped donating or were giving less to the shelter when the Covid-19 pandemic hit in early 2020.

"The number of abandoned pets rose during the various MCOs in 2020 and 2021 because many lost their jobs and could no longer afford to take care of their pets," he highlighted.

He said there had been also cases of cats and dogs home alone because their owners were working in Singapore.

These pets had to be cared for by family members or neighbours, or had been placed in pet hotels as their owners did not expect the border with Singapore to be closed when the MCO was imposed.

"During that time, we made house calls on alternate days to feed the pets in their homes, in response to requests from the owners," he said.

Chia said of the 200 dogs at Cares shelter, half of them were strays



Chia started the Companion Animal Rescue Effort Society in 2002, with 15 dogs. Today, the shelter in Lima Kedai, Gelang Patah has 200 dogs. — Photos: THOMAS YONG/The Star

while the others were abandoned pets.

The shelter spends between RM150 and RM250 per animal to

spay and neuter dogs at the shelter.

To contribute to Cares, call 014-613 0617 or visit facebook.com/caresjb

Hope Shelter can be contacted at 012-716 7123, via facebook.com/hopejb or hopejbdonation@gmail.com

Bank job abandoned to start shelter for abused, stray cats

Story and photo by ZAZALI MUSA
metro@thestar.com.my

SEVEN years ago, the Cat Tiram Shelter (CAT) started out with four stray cats.

Today, it is a sanctuary for some 260 felines.

Located in Kampung Sungai Tiram, Ulu Tiram in Johor, the sanctuary was started by former bank executive Nor Azhar Abdul Hamid.

"I cannot bear to see stray and abandoned cats roaming our streets, markets, eateries and housing areas," said Nor Azhar, who feels it is his duty to provide a proper place for such cats.

The shelter, located 23.4km from Johor Baru, was built in 2016.

"The 1.69ha land belongs to my mother-in-law and I spent about RM70,000 to start the shelter," he said.

Nor Azhar, 52, said some of the

cats were rescued by him while others were brought to him by the public or rescued by the Pasir Gudang and Tebrau fire stations.

He said unlike other animal shelters, CAT did not accept pet cats surrendered by their owners.

"In the first place, they should not have pets in their homes if they are unable to care for them," he opined.

He said a couple came to the shelter to surrender 25 cats about three weeks ago but he refused them as they were not strays.

The couple were unhappy and lodged a report with the Johor Veterinary Department claiming that the cats at the shelter were malnourished and ill-treated.

"Officers from the department paid us a surprise visit and upon inspections, they declared that we were providing good care," said Nor Azhar.

Instead of relying on public donations, he forks out about



RM5,000 monthly to run the shelter but will accept contributions of cat food from well-wishers.

"I prefer not to accept money from the public because I don't want people to question how I spend their money," he said.

Each month, Nor Azhar spends RM5,000 of his own money for the upkeep of some 260 cats at the shelter.

Instead, Nor Azhar encourages visitors to adopt the cats.

For each adoption, the shelter accepts a 30kg bag of kibble, which can last for 180 days.

CAT can be contacted at 013-748 5544.



Haffiz: The city council catches around 100 stray dogs a month in response to public complaints.

Adopt stray dogs, city council urges public

THE public is encouraged to adopt stray dogs to give them a proper home instead of leaving them on the streets.

Iskandar Puteri City Council (MBIP) mayor Datuk Haffiz Ahmad invited non-governmental organisations (NGOs) to team up with the council for its pet adoption drive.

He said the council had set up an animal protection centre on a 0.68ha site in Taman Impian Emas, Skudai in Johor.

"The centre houses stray cats, dogs, chickens and even cows," he said.

On average, he said MBIP would catch around 100 stray dogs a month in response to public complaints.

Most of the dogs are caught in housing areas and former construction sites.

"These dogs were kept by construction workers at their kungsai, and the animals were abandoned after the projects completion,"

Haffiz explained.

He said MBIP was currently working with an NGO to spay and neuter stray dogs for the council's adoption programme.

"Response to the programme has been encouraging. We welcome more NGOs to take part and reach out to more people."

As for cows caught roaming the streets in MBIP's jurisdiction, he said they would be handed over to the state Veterinary Department.

— By ZAZALI MUSA